

29 JUL 2002

Saraan-Cuepacs

SISTEM SARAAAN MALAYSIA ERA BARU DALAM PERKHIDMATAN AWAM

PUTRAJAYA, 29 Julai (Bernama) -- Sistem Saraan Malaysia (SSM) akan mewujudkan era baru dalam perkhidmatan awam negara dengan kenaikan gaji berasaskan potensi dan kebolehan kakitangan awam, kata Presiden Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Ceupacs) Datuk N. Siva Subramaniam.

Beliau berkata melalui SSM, kakitangan awam berupaya menunjukkan kebolehan serta potensi mereka terutamanya dalam bidang teknologi maklumat sehingga menjadi tenaga kerja yang berilmu.

"Ini akan membawa perubahan sikap, kakitangan kita akan bekerja keras mempertingkatkan produktiviti mereka," katanya kepada pemberita pada sidang media bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat bersama antara kerajaan, Cuepacs dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Pada sidang media itu, Dr Mahathir telah mengumumkan mengenai pelaksanaan SSM bagi menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB), yang dilaksanakan sejak 1992 setelah mendapat banyak rungutan daripada kakitangan awam.

"Cuepacs amat berpuas hati kerana ini hasil lima kali kita berunding dengan kerajaan dan JPA, dan ini menunjukkan perhubungan antara ketiga-tiga pihak berada dalam tahap kecemerlangan dan apa masalah kita (dapat) selesaikan," katanya.

Siva berkata Ceupacs yakin 950,000 kakitangan kerajaan akan melihat ini sebagai satu cabaran untuk meningkatkan produktiviti mereka dan sebagai sumbangan mereka kepada masyarakat di negara ini.

"Kalau dia tidak meningkatkan diri dia, tak harus siapa yang harus disalahkan melainkan diri dia sahaja," katanya.

Beliau berkata penwujudan SSM itu memberikan satu peluang baru kepada mereka yang menyertai sektor perkhidmatan awam kerana mereka akan mempunyai peluang yang lebih cerah untuk berjaya.

"Ini memberikan satu keadaan baru bahawa tidak ada had (untuk kemajuan), mereka boleh melakukan yang terbaik dan daripada itu, mereka dapat memajukan diri mereka," katanya.

Setiausaha Agung Cuepacs, Abdul Rahman Manan, pula berkata Cuepacs telah berjaya mendapatkan apa yang dikehendaki oleh kakitangan kerajaan dalam SSM kecuali dua perkara yang berkaitan dengan elaun kritikal.

Beliau berkata pada pertemuan itu, Cuepacs merayu kerajaan memanjangkan elaun kritikal yang hanya dinikmati oleh doktor dan jururawat kepada kakitangan sokongan lain seperti penolong jururawat dan atendan kesihatan serta juruteknik Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengaliran Saliran (JPS).

"Kita telah membuat rayuan kepada kerajaan dan mereka bersetuju untuk mengkaji semula perkara ini tetapi bila mereka akan dapat (elaun kritikal), kita tak tahu," katanya.

Menurutnya Cuepacs akan memberi taklimat mengenai SSM kepada kesatuan gabungan dan Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) awal bulan depan.

Beliau berkata satu mesyuarat khas Majlis Kongres Cuepacs akan diadakan selepas taklimat itu untuk mengesahkan penerimaan skim berkenaan.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman berkata masalah yang wujud berkaitan pelaksanaan SSB sejak 2000 akhirnya dapat diselesaikan dan disambut baik oleh pihak Cuepacs yang mewakili kakitangan kerajaan.

Beliau berkata kerajaan telah memikirkan yang terbaik untuk anggota perkhidmatan awam supaya dapat sama-sama berganding bahu untuk menunaikan amanat sebagai kakitangan awam di negara ini.

"Dengan adanya SSM ini, penilaian tidak akan lagi bergantung seratus peratus terhadap penilaian daripada Ketua Jabatan kakitangan, sebaliknya ia lebih atas kebolehan mereka sendiri.

"Ini selari dengan usaha kita ke arah K-ekonomi atau "knowledge economy" di kalangan kakitangan awam supaya mereka akan dapat terus maju pada masa-masa akan datang," katanya.

-- BERNAMA

AT ZS NAK